

January 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

71st
ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
MENJANA TRANSFORMASI AQLIYYAH 2015

23 Disember 2015

Anjuran Fakulti Kejuruteraan Mekatronikal



UiTM Transformation Program

ISSN 2232-1578



9 772232 157005

MAJLIS MAKAN MALAM PRE GRADUATION BAGI PROGRAM MASTER OF EDUCATION & EXECUTIVE MASTER OF ADMINISTRATIVE SCIENCE

info *kampus*
71st ISSUE

9



Tan Sri Dato' Sri Prof Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar, Naib Canselor UiTM menyampaikan ucapan.

Pada 19 Disember 2015, Pusat Pengajian Siswazah (PPS) telah menganjurkan majlis makan malam bertempat di Hotel Riverside Majestic, Kuching sempena meraikan pelajar pascasiswazah dari program Master of Education (TESL / M&L) dan Executive Master of Administrative Science yang bakal menamatkan pengajian mereka. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri Prof Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar, Naib Canselor UiTM. Beliau diiringi oleh Rektor UiTM Sarawak, Profesor Dato Dr. Jamil Haji Hamali serta Ketua Pusat Pengajian Siswazah, Prof. Madya Dr. Firdaus Abdullah. Tujuan majlis makan malam tersebut diadakan juga bagi mewujudkan jaringan antara kumpulan-kumpulan untuk pembelajaran dan kerjaya serta merapatkan lagi silaturahim di kalangan warga kerja Pusat Pengajian Siswazah dan pelajar-pelajar.



KERJA KUMPULAN... Salah satu aktiviti Latihan Dalam Kumpulan adalah membentuk kerja kumpulan dalam menyelesaikan permasalahan yang diberi.

MITSA anjur Program Berambek di SMK Hajah Laila Taib

Oleh: Mohammad Abang



TENAGA PENTING... Datuk Haji Abdul Wahab Aziz, Tuan Haji Wan Idris Wan Ibrahim dan Puan Judah Ahmad bergambar bersama sebahagian ahli jawatankuasa yang merupakan tenaga penting dalam menjayakan penganjuran program MITSA Berambek di SMK Laila Taib.



KENANGAN... Datuk Haji Abdul Wahab Aziz, Tuan Haji Wan Idris Wan Ibrahim dan Puan Judah Ahmad bersama tetamu lain merakamkan gambar kenang-kenangan bersama para peserta yang mengikuti program MITSA Berambek di SMK Laila Taib.

Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Hajah Laila Taib Asajaya menjadi lokasi pilihan MITSA untuk menganjurkan Program Berambek bagi tahun 2015 dengan pelbagai aktiviti menarik telah dianjurkan.

Program Berambek yang merupakan program tahunan MITSA atau Persatuan Alumni Universiti Teknologi MARA Sarawak dan UiTM Sarawak serta dengan kerjasama SMK Hajah Laila Taib itu diadakan pada 5 September 2015 di Dewan Panca Delima sekolah berkenaan.

Seramai 100 orang pelajar terutama pelajar Tingkatan 5 mengikuti program sehari yang dimulakan dengan sesi ceramah motivasi diikuti dengan panduan untuk mendapat skor cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains yang disampaikan oleh pensyarah yang berpengalaman dalam bidang masing-masing.

Bagi meningkatkan keyakinan diri peserta pula, aktiviti Latihan Dalam Kumpulan dilakukan supaya mereka berfikir secara berkumpulan dalam menyelesaikan masalah yang diberi oleh fasilitator.

Seterusnya, sesi taklimat Misi Akademik turut diberikan dalam usaha memberi penerangan kepada pelajar dan ibu bapa mengenai syarat-syarat kemasukan dan program-program yang ditawarkan di UiTM Sarawak.

Majlis perasmian penutupan telah disempurnakan oleh YB Datuk Haji Abdul Wahab Aziz yang merupakan Presiden MITSA merangkap Menteri Muda Kemajuan Tanah.

Dalam ucapannya, Abdul Wahab Aziz mahu supaya para ibu bapa memberi penekanan kepada kepentingan pendidikan terhadap anak-anak mereka. Beliau berkata, peluang pendidikan yang disediakan oleh kerajaan perlu direbut supaya taraf pendidikan anak-anak mereka akan terus dipertingkatkan.

"Samarahan telah muncul sebagai Bandar Ilmu dengan kewujudan pelbagai institusi pendidikan tinggi seperti UNIMAS dan UiTM Sarawak. Rebutlah peluang belajar kerana dengan ilmu dan pendidikan mampu mengubah taraf hidup kita," ujarnya.

Hadir sama adalah Naib Presiden MITSA, Tuan Haji Wan Idris Wan Ibrahim, di samping exco-exco MITSA, kakitangan UiTM Sarawak, pengetua SMK Hajah Laila Taib, Puan Judah Ahmad, ketua masyarakat serta para ibu bapa.



TAHNIHIAH... Datuk Haji Abdul Wahab Aziz menyampaikan sijil kepada para pelajar yang terlibat dalam program MITSA Berambek di SMK Laila Taib sambil disaksikan Tuan Haji Wan Idris Wan Ibrahim (dua dari kanan) dan Puan Judah Ahmad (tiga dari kiri).



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my